

SOALAN-SOALAN LAZIM BERKAITAN PEMBAYARAN BIL ELEKTRIK MELALUI e-WALLET (versi BM)

Bahagian Retail

13 Nov 2021

Soalan-Soalan Lazim

Soalan	Jawapan
1. Apakah <i>e-Wallet</i> ?	<i>e-Wallet</i> ialah platform digital yang membenarkan transaksi pembayaran tanpa tunai untuk pengguna membuat pembelian barangan atau perkhidmatan dalam masa yang sama menikmati ganjaran yang ditawarkan oleh syarikat pengendali <i>e-Wallet</i> .
2. <i>e-Wallet</i> manakah yang boleh saya gunakan untuk membayar bil elektrik TNB?	Dua (2) platform <i>e-Wallet</i> yang boleh digunakan untuk pembayaran bil elektrik TNB adalah: a) Boost b) Touch 'n Go eWallet
3. Bolehkah saya membuat pembayaran melalui aplikasi <i>e-Wallet</i> lain seperti GrabPay, ShopeePay and Lazada?	Tidak. Anda hanya boleh membuat pembayaran bil elektrik TNB melalui Boost dan Touch 'n Go eWallet sahaja.
4. Bilakah bil elektrik TNB dapat dibayar melalui <i>e-Wallet</i> ?	Pengguna boleh membuat bayaran bil elektrik TNB melalui Boost dan Touch 'n Go eWallet bermula pada 13 November 2021.
5. Bagaimana cara untuk saya membuat bayaran melalui <i>e-Wallet</i> ?	Pertama, anda perlu memuat turun sama ada aplikasi Boost atau Touch 'n Go eWallet di Google Play Store, Apple App Store dan Huawei AppGallery Kedua, berikut adalah cara pembayaran bil elektrik TNB melalui <i>e-Wallet</i> : i. Daftar masuk ke aplikasi (Boost atau Touch 'n Go eWallet) ii. Masukkan nombor telefon dan kata laluan iii. Tekan pada " <i>Bills</i> " dan pilih " <i>TNB</i> " iv. Masukkan nombor akaun TNB dan jumlah bayaran v. Semak bayaran dan pilih " <i>Pay Now</i> " vi. Sahkan pembayaran dengan PIN 6-digit

Soalan-Soalan Lazim

Soalan	Jawapan
6. Berapakah jumlah bayaran minimum dan maksimum melalui <i>e-Wallet</i> ?	Jumlah bayaran minimum adalah RM3.00 dan jumlah maksimum adalah RM5,000.00.
7. Bolehkah saya menggunakan Boost dan Touch 'n Go eWallet untuk membayar bil elektrik TNB melalui myTNB atau kaunter atau kiosk di Kedai Tenaga?	Pembayaran elektrik melalui <i>e-Wallet</i> pada masa ini tidak tersedia melalui aplikasi dan portal myTNB, di kaunter dan kiosk pembayaran layan diri di Kedai Tenaga.
8. Siapakah yang boleh membuat bayaran melalui <i>e-Wallet</i> ?	Semua pengguna yang telah memuat turun dan mendaftar sama ada Boost atau Touch'n Go eWallet boleh membayar bil elektrik TNB. Walau bagaimanapun, bayaran hanya terhad kepada RM5,000.00 per transaksi.
9. Adakah saya akan dikenakan sebarang caj apabila membuat pembayaran bil elektrik TNB melalui aplikasi <i>e-Wallet</i> ?	Anda tidak akan dikenakan sebarang caj apabila membuat pembayaran bil elektrik TNB melalui aplikasi <i>e-Wallet</i>
10. Bagaimana cara untuk saya menambah nilai akaun <i>e-Wallet</i> ?	Anda boleh menambah nilai akaun <i>e-Wallet</i> melalui perbankan atas talian (FPX) atau kad debit/kredit.
11. Bolehkah saya menyemak jumlah tunggakan bil elektrik TNB melalui aplikasi <i>e-Wallet</i> ?	Anda boleh menyemak jumlah tunggakan bil elektrik TNB melalui aplikasi Boost atau Touch 'n Go eWallet.
12. Bagaimana saya boleh tahu sama ada pembayaran bil elektrik TNB melalui <i>e-Wallet</i> berjaya?	Anda akan menerima pemakluman pembayaran atau resit digital melalui <i>e-Wallet</i> apabila pembayaran berjaya dibuat.
13. Bagaimanakah saya boleh menerima ganjaran setelah saya membuat pembayaran melalui <i>e-Wallet</i> ?	Anda layak menerima ganjaran atau faedah yang ditawarkan oleh Boost atau Touch 'n Go <i>eWallet</i> masing-masing.

Soalan-Soalan Lazim

Soalan	Jawapan
14. Sekiranya saya tersilap membuat pembayaran atau terlebih bayar melalui <i>e-Wallet</i> , bagaimana cara untuk saya membuat aduan?	<p>Anda boleh menghubungi Hotline Centre Boost atau Touch 'n Go eWallet untuk menyalurkan pertanyaan atau aduan anda melalui saluran berikut:</p> <p><u>Boost:</u> Emel: support@myboost.com.my atau in-app request Webform: https://support.myboost.com.my/hc/en-us Facebook/Instagram: @myboostapp Waktu operasi: 9.00 pagi – 9.00 malam (setiap hari)</p> <p><u>Touch 'n Go eWallet:</u> Careline Contact No. : +603-5022 3888 Webform : https://tngd.my/careline-webform Waktu operasi : 7.00 pagi – 10.00 malam</p>
15. Sekiranya saya mempunyai sebarang pertanyaan berkaitan <i>e-Wallet</i> , di manakah boleh saya rujuk?	<p>Anda boleh merujuk kepada pautan di bawah:</p> <p>Boost: https://support.myboost.com.my/hc/en-us Touch 'n Go eWallet: https://support.tngdigital.com.my/hc/en-my</p>

Terima Kasih